

1003- AMALAN TATA KELOLA NEGARA YANG BAIK (*GOOD GOVERNANCE*) DALAM KEPEMIMPINAN KHALIFAH UMAR BIN AL-KHATTAB DAN KESANNYA DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

SAIPUL NASUTION

Universiti Islam Sultan Sharif Ali
saipulnasution@unida.gontor.ac.id

IBNOR AZLI BIN IBRAHIM

Universiti Islam Sultan Sharif Ali
tesyekkur@gmail.com

MARIAM BINTI HAJI ABDUL RAHMAN

Universiti Islam Sultan Sharif Ali
umifikri.68@hotmail.com

ABSTRAK

Sistem urus tadbir yang baik (good governance) bukanlah istilah yang muncul baru ini kerana sejatinya sistem tersebut telah dicontohkan oleh Rasulullah SAW sejak dahulu kala. Kepengurusan negara ini bermula sejak Rasulullah SAW membentuk Piagam Madinah. Selain itu, pentadbiran dan pengurusan di Madinah adalah berlandaskan syariat Islam dengan model pengurusan negara demokratik. Dengan mencontoh kepengurusan Rasulullah SAW, khalifah Umar bin Khattab menerapkan sistem urus tadbir yang menyeimbangkan antara kepentingan agama dan rakyat. Oleh itu, penting untuk mengkaji pembahasan ini sebagai pedoman atas keberadaan sistem urus tadbir negara muslim yang ada di masa kini. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan analisis tulisan sebagai kaedah menganalisis data yang diperoleh melalui sumber-sumber kepustakaan. Hasil analisis mendapati bahawa konsep urus tadbir yang baik dalam sejarah kepemimpinan khalifah Umar bin al-Khattab mampu menjayakan negara di masa kepemimpinannya. Sistem yang digagas khalifah Umar sejatinya bisa memberikan gambaran serta pedoman kepada sistem urus tadbir negara masa kini.

***Kata kunci:** good governance, kepemimpinan, umar bin al-khattab, urus tadbir*

PENGENALAN

Sistem adalah sesebuah kaedah yang menghantarkan sesuatu pada tujuan tertentu. Sedangkan kenegaraan ialah bahagian dari yang menjalankan sistem tersebut. Sistem pengurusan negara mengikut syariah mula terbentuk sejak Islam dibawa oleh Rasulullah SAW. Permulaan pengurusan pentadbiran Islam bermula pada zaman Rasulullah SAW di Madinah dengan pembentukan Piagam Madinah. Dalam menguruskan pentadbiran, Rasulullah SAW bukan sahaja seorang Rasul yang diutus oleh Allah SWT yang membawa risalah tauhid tetapi juga pemimpin tertinggi dalam negara. Rasulullah SAW membentuk negara Madinah dengan menggabungkan nilai-nilai kearifan tempatan dan ajaran Islam.

Oleh itu, sistem yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW adalah pengiktirafan pusat kepada negara dan seluruh wilayah untuk mengukuhkan pentadbiran negara Madinah ketika itu. Adapun tujuan Rasulullah SAW menggalas urus tadbir negara ialah untuk menetapkan asas

yang menjadi tumpuan para sahabat ketika beliau wafat. Maka itu, selepas Nabi Muhammad SAW wafat urusan tadbir negara Madinah dilanjutkan oleh para sahabat.¹

Sejatinya, terdapat tiga prinsip utama negara dalam mentadbir kerajaan iaitu: keadilan pemimpin negara, kepatuhan rakyat kepada pemimpin, hubungan baik antara pemimpin negara dengan rakyatnya. Oleh itu, Hasan al-Banna mengatakan bahawa Islam merupakan kerajaan yang terdiri daripada pejabat yang beragama Islam untuk dapat melaksanakan perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya.²

Al-Ghazali juga menjelaskan bahawa kuasa yang dibawa oleh seorang pemimpin negara adalah suci, kerana pemimpin itu adalah wakil Allah SWT di muka bumi ini, rakyat wajib taat dan melaksanakan segala perintahnya.³ Sehubungan itu, al-Mawardi menyatakan bahawa pemimpin negara mesti mempunyai kapasiti untuk menjadi pemimpin termasuk kecerdasan emosi dan rohani.⁴ Pendapat ini disokong oleh Abu al-A'la al-Maududi yang mendedahkan bahawa sistem negara dalam syariah yang berpegang kepada konsep ketuhanan, kerana amanah yang diberikan Allah SWT kepada khalifah untuk melaksanakan segala kedaulatan yang Allah SWT berikan dan Allah SWT mengawasi segala pelaksanaannya.⁵

Akan tetapi jika dilihat kepada negara Islam zaman ini, jelas sekali Islam tidak menetapkan bentuk negara atau sistem negara yang mesti diikuti. Oleh itu, walaupun tiada peraturan mutlak yang perlu dipatuhi, namun sistem negara perlu merujuk kepada Al-Quran dan As-Sunnah. Ini sebagaimana yang digagas oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat pada zaman dahulu kerana sistem yang digagas oleh Rasulullah SAW telah terbukti mampu memperkasakan negara daripada pelbagai sektor, seperti ekonomi, sosial, keselamatan makanan, keselamatan negara dan membasmi pengangguran. Dengan itu, dapat difahami bahawa sistem kenegaraan adalah jalinan antara pihak *executive*, *legislative* dan *judicative*.⁶

Salah satu sahabat Rasulullah SAW yang menggegas pembahagian kekuasaan menjadi kekuasaan *executive*, *legislative* dan *judicative* ialah Khalifah Umar bin al-Khattab. Pada masa pemerintahan beliau, sistem urusan tadbir negara terbentuk dengan baik dan sistem seperti inilah yang perlu dikaji agar bisa digunakan sebagai panutan terutama negara Islam dalam menjalankan sistem urusan tadbir.

TINJAUAN LITERATUR

Takrif Negara dalam Syariah

Ibn Khaldun menyatakan bahawa negara ialah sekumpulan insan yang di dalamnya terdapat pemimpin.⁷ Manakala al-Mawardi berpendapat bahawa negara adalah alat politik yang

¹ برهان خليل زريق، (٢٠١٣م)، الصحيفة ميثاق الرسول دستور المدينة المنورة أول دستور لحقوق الإنسان، دمشق: دار النمر

² للإمام حسن البنا، (٢٠٠٧م)، الأصول العشرين، استنبول: للبحوث والدراسات، ص ٣٧.

³ أبو حامد محمد بن محمد الغزالي الطوسي، (٢٠٠٤م)، الاقتصاد في الاعتقاد، بيروت: دار الكتب العلمية.

⁴ أبي الحسن علي بن محمد ابن حبيب البصري الماوردي، (٢٠٠٦م)، الأحكام السلطانية، القاهرة: دار الحديث.

⁵ أبو الأعلى المودودي، (١٩٧٨م)، الخلافة والملك، الكويت: دار القلم.

⁶ Jean-Jacques Rousseau, (1989), *The Social Contract: or Principles of Political Law Also a Project for a Perpetual Peace*, New York: Peter Eckler Publisher.

⁷ ابن خلدون، (٢٠٠٤م)، مقدمة ابن خلدون، القاهرة: دار يعرب، ص ٣١.

berfungsi dalam sistem urus tadbir agama dan juga dunia.⁸ Selaras dengan pemikiran al-Mawardi, dalam hal ini al-Madudi, salah seorang pemikir politik Islam berpendapat bahawa negara adalah organisasi politik yang berperanan dalam agama. Oleh itu, Islam menjalankan peranan penting dalam pembangunan sistem politik dan juga sistem negara.⁹

Menurut Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah, negara ialah tempat kelompok manusia yang memiliki matlamat yang sama.¹⁰ Oleh itu, sesebuah negara itu mesti mempunyai wilayah, undang-undang, rakyat dan pemimpin. Tujuan pembentukan semua elemen ini adalah satu bentuk keseimbangan sosial yang boleh menjamin kesejahteraan negara. Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah berkata, kerajaan adalah kuasa atau sistem yang menjaga segala keselamatan dan kebajikan rakyat secara amnya. Oleh itu, pemerintahan adalah segala aturan yang mesti dijalankan untuk mencapai tujuan negara.¹¹

Secara khusus, Yusuf al-Qardhawi menyatakan bahawa negara Islam ialah negara yang berasaskan akidah dan ideologi.¹² Oleh itu, negara yang dibina dengan akidah dan ideologi akan mengekalkan kesan serangan zahir dan batin. Sehubungan itu, tugas negara bukan setakat mengurus pentadbiran negara sahaja, sebaliknya menjangkau kepada mendidik ummah untuk melahirkan bangsa yang berakhlak mulia. Maka itu, menurut syariah, negara adalah komponen untuk mengatur urusan agama dan mengatur urusan duniawi. Kajian ini menyimpulkan bahawa komponen yang mesti ada dalam negara ialah pemimpin yang taat kepada Allah SWT, sistem pemerintahan dan rakyat yang memiliki matlamat yang sama.

Takrif Negara Menurut Barat

Menurut Aristotle, negara ialah kuasa modal insan yang wujud dalam masyarakat yang mempunyai matlamat untuk mencapai sesuatu manfaat dan kebahagiaan.¹³ Manakala menurut Roger H. Soltau, negara ialah agen atau pihak berkuasa yang mengawal atau mengatur isu-isu bersama bagi pihak masyarakat.¹⁴ Sementara itu, menurut Logemann, negara adalah organisasi yang mengatur segala sesuatu yang berkaitan dengan penduduk untuk mencapai sesuatu tujuan.¹⁵ Dalam bukunya, dikatakan bahawa keberadaan negara bertujuan untuk mengatur serta menyelenggarakan masyarakat yang dilengkapi dengan kekuasaan tertinggi. Dalam hal ini, penduduk mesti mempunyai matlamat yang sama antara satu sama lain, oleh itu mereka dibenarkan untuk bekerjasama. Harold J. Laski, memahami negara sebagai alat untuk mengatur segala sesuatu dalam masyarakat.¹⁶

Jika dilihat kepada takrif negara, maka boleh ditafsirkan bahawa negara adalah institusi politik untuk mengawal selia semua komponen dalam sesebuah negara. Pengertian negara secara

⁸ أبو الحسن علي بن محمد بن حبيب البصري الماوردي، (م ٢٠٠٦)، الأحكام السلطانية، القاهرة: دار الحديث، ص ٤٥.

⁹ أبو الحسن الندوي، (م ١٩٧٨)، الإسلام والحكم، القاهرة: المختار الإسلامي.

¹⁰ شمس الدين أبي عبد الله محمد بن قيم الجوزية، (م ١٩٨٩)، الطرق الحكمية في السياسة الشرعية، بيروت: مكتبة المؤيد.

¹¹ *Ibid.*

¹² يوسف القرضاوي، (م ١٩٩٧)، من فقه الدولة في الإسلام، القاهرة: دار النشر الشروق

¹³ Aristotle, (t.th), *Politics*, Modern Library Edition, New York: Random House.

¹⁴ Roger Henry Soltau, (1951), *An Introduction to Politics*, California: Longmans, Green, hlm. 9.

¹⁵ Logemann, J.H.A., (1948), *Over De Theorie van Een Stelling Staatsrecht*, Leiden: Universiteire Press.

¹⁶ Harold J. Laski, (2017), *The State in Theory and Practice with a new introduction by Sidney A. Pearson Jr*, Oxfordshire: Routledge.

umum ialah kelompok sosial yang terdiri daripada rakyat, pemimpin, sistem pemerintahan dan undang-undang.¹⁷

Fungsi Negara

Negara merupakan satu bentuk organisasi kuasa yang dibentuk untuk menjalankan tugas-tugas tertentu. Dalam hal ini, negara juga mengatur kehidupan rakyat secara konstitusional dengan jelas untuk mewujudkan ketertiban dan kepentingan bersama. Jadi, negara dapat dikatakan sebagai wilayah atau kawasan yang berada di permukaan bumi, yang mempunyai kekuasaan, baik dalam bentuk kekuasaan politik, ekonomi, sosial, budaya, atau ketenteraan, yang pelaksanaan kekuasaannya disandang. dikeluarkan oleh kerajaan.

Menurut Rousseau, fungsi negara ialah menjalankan seluruh aturan dan undang-undang. Maka itu, hakikat daripada negara adalah suatu lembaga yang dibangun oleh sekumpulan modal insan. Dalam makna lain, fungsi negara terbagi kepada beberapa fungsi diantaranya adalah fungsi politik, fungsi diplomatik, fungsi perundangan dan fungsi pentadbiran.¹⁸ Menurut Ibnu Taimiyah, negara merupakan sebahagian dari struktur politik kenegaraan yang diketuai oleh seorang pemimpin yang dinamakan Wali (ولي) ataupun Amir (امير).¹⁹ Selain itu, Pemimpin negara menurut syariah dikenal dengan lima istilah iaitu:²⁰ imamah (إمامة), khalifah (خليفة), ulil Amri (أولي الأمر), al-Mulk (الملك), dan sultan (السلطان).

Adapun fungsi negara mencakup 3 hal, perundangan, pelaksanaan dan persekutuan sebagaimana berikut: fungsi perundangan (*legislative*) yang merancang undang-undang negara, fungsi pelaksanaan (*executive*) ialah melaksanakan segala peraturan yang telah disediakan, dan fungsi persekutuan (*federation*) yang berperanan dalam mengurus atau menangani masalah antarabangsa.²¹

Maka itu, pada umumnya negara mempunyai beberapa fungsi yang dijalankan untuk menjamin kehidupan bernegara yang baik. Fungsi negara adalah penyelenggaraan ketertiban, kemakmuran dan kesejahteraan, pertahanan dan keamanan, serta fungsi keadilan. Setiap fungsi negeri mempunyai peranannya sendiri. Namun, ini masih merujuk kepada matlamat yang sama iaitu mencapai kehidupan bernegara yang baik bagi setiap rakyat.

Kerajaan yang ideal adalah pemerintah yang dalam menjalankan fungsinya mesti dapat memahami kehendak dan aspirasi rakyat. Dalam erti kata lain kewajipan pihak berkuasa untuk sentiasa berusaha memenuhi kepentingan rakyat. Oleh itu, fungsi negara menurut syariah ialah menegakkan perintah Allah SWT dan menjaga kepentingan insan sesuai hukum Allah SWT.

Dasar Kepemimpinan Menurut Konvensional

Istilah kepemimpinan dalam bahasa Inggeris disebut dengan *leadership*. Menurut Hamzah, kepimpinan adalah sesuatu yang berkaitan dengan penyertaan insan dalam ajakan seseorang

¹⁷ Yudi Rusfiana dan Cahya Suprianta, (2021), *Birokrasi Pemerintahan dan Perkembangannya*, Bandung: Alfabeta, hlm. 23.

¹⁸ Jean-Jacques Rousseau, (1989), *The Social Contract: or Principles of Political Law Also a Project for a Perpetual Peace*, New York: Peter Eckler Publisher.

¹⁹ أحمد بن عبد الحليم بن عبد السلام ابن تيمية، (م ٢٠١٠)، السياسة الشرعية في إصلاح الراعي والرعية، القاهرة: دار علم الفوائد.

²⁰ أبي بكر محمد بن الحسن المرادي الحضرمي، (م ٢٠٠٣)، الإشارة في تدبير الإمارة، بيروت: دار الكتب العلمية.

²¹ *Ibid*

untuk mewujudkan usaha bersama.²² Adapun makna kepemimpinan menurut Moehariono, kepemimpinan digunakan sebagai doktrin untuk memujuk sekelompok insan untuk bekerja dan meraih matlamat bersama.²³ Sementara itu, menurut Toha, kepimpinan ialah satu aktiviti untuk mengarahkan insan mencapai matlamat tertentu.²⁴

Oleh itu, kejayaan seorang pemimpin menurut konvensional ialah kepuasan, keselamatan, kebajikan dan menjamin kualiti hidup rakyat. Kelestarian semua elemen masyarakat terletak pada pemimpin negara. Menurut Edwin Ghiseli, sifat dasar pemimpin yang mesti ada dalam dirinya di antaranya ialah:²⁵

- a. Mampu mengawasi segala apa yang ada dalam kepemimpinannya
- b. Mempunyai matlamat untuk dicapai semasa memimpin
- c. Mempunyai kecerdasan yang tinggi
- d. Ketegasan dalam memutuskan dasar
- e. Keyakinan diri yang tinggi
- f. Mempunyai inisiatif dalam menyelesaikan semua masalah

Dengan memiliki kesemua ciri-ciri di atas, seseorang pemimpin mesti mampu menyelesaikan masalah yang wujud dalam sesebuah negara. Seperti isu pengangguran, kebajikan, ketidaksamaan sosial dan lain-lain. Semua itu merupakan tanggungjawab seorang pemimpin untuk diselesaikan dengan demikian negara akan lebih berjaya dan dapat bersaing di persada antarabangsa. Secara amnya, seorang pemimpin mesti memiliki lima sifat utama ialah:²⁶ keyakinan diri (*self-confidence*), ketahanan mental dan fizikal (*Mental and physical endurance*), semangat (*enthusiasm*), rasa bertanggungjawab (*sense of responsibility*), empati dan hubungan manusia yang baik (*emphaty and good human relation*).

Kepimpinan menurut konvensional telah banyak menerima pakai kepemimpinan dalam syariah, walaupun tidak mengambil sepenuhnya ajaran yang terkandung dalam syariah. Jika mengikut syariah aspek agama dan dunia mestilah seimbang, manakala konvensional urusan dunia adalah yang paling utama. Sedangkan urusan agama ialah urusan peribadi antara seseorang dengan Tuhan yang tidak melibatkan orang lain. Meski demikian, pada hakikatnya sistem urus tadbir negara menurut konvensional tak lepas dari unsur politik di mana kayu ukur daripada kepengurusannya hanya tertumpu kepada keuntungan kelompok tertentu sahaja. Selain itu, salah satu konsep yang menjadi gagasan utama urus tadbir kepengurusan Barat ialah sistem demokrasi.²⁷ Meski demikian, pada pelaksanaannya konsep demokrasi yang digagas negara Barat jauh berbeza dengan konsep demokrasi yang digagas dalam syariah. Hal ini yang membezakan urus tadbir kepengurusan negara menurut syariah yang memberikan impak tak hanya kepada hal agama tetapi juga kepada kemaslahatan dan kesejahteraan rakyat.

Dasar Kepemimpinan Menurut Syariah

Kepemimpinan dalam Islam adalah amanah yang mesti dipelihara dan dilaksanakan dengan penuh keikhlasan. Kerana ia sejatinya menjalankan amanah Allah SWT dan amanah

²² Hamzah Zakub, (2012), *Menuju Keberhasilan, Manajemen dan Kepemimpinan*, Bandung: CV. Diponegoro, hlm. 125.

²³ Moehariono, (2012), *Pengukuran Kinerja Berbasis Kompetensi*, Jakarta: PT. Raja Grafindo, hlm. 382.

²⁴ *Ibid.*

²⁵ Edwin Ghiseli, (1971), *Explorations in Managerial Talent*, California: Pacific Palisades Good.

²⁶ Leslie Rue, & Lloyd L Byars, (2000), *Human Resources Management*, Boston: Irwin.

²⁷ Indah Monicha, (2021), *Pemikiran Demokrasi Barat*, *Kumpulan Artikel Sejarah Pemikiran Modern*, Yogyakarta: Universitas Negara Yogyakarta, hlm. 185-198.

masyarakat. Oleh itu, kepemimpinan ini tidak boleh dimanfaatkan sesuka hati daripada pemegang amanah tersebut. Islam mentafsirkan kepemimpinan ialah bahagian daripada kepengurusan agama dan juga urusan dunia.²⁸ Ertinya, seorang pemimpin bukan sahaja mengawal hal ehwal agama, ia juga mesti mengatur urusan dunia. Pemimpin negara memiliki tanggungjawab penuh untuk mendayagunakan modal insan secara seimbang. Selain itu, pemimpin negara mesti bertanggungjawab atas kesejahteraan, keamanan, keadilan dan kemakmuran masyarakat.

Pemimpin adalah wakil Allah SWT yang diberi amanah untuk menjalankan urusan agama dan dunia. Seorang pemimpin wajib untuk ditaati seluruh perintahnya selagi masih selaras dengan ajaran Islam. Ertinya, apabila telah keluar dari syariah maka boleh untuk tidak taat terhadap pemimpin yang zalim. Sebab itu, dalam pemilihan pemimpin mesti memiliki dasar untuk menjadikan seseorang pemimpin.

Kepemimpinan menurut syariah tidak hanya disebut dalam satu istilah sahaja seperti yang telah disebutkan sebelum ini. Pada dasarnya semua istilah ini mempunyai maksud yang sama iaitu pemimpin negara. Oleh itu, Menurut syariah, terdapat beberapa asas dalam menentukan kepemimpinan yang mesti dijadikan asas iaitu:²⁹

- a. Tidak memilih orang kafir mahupun orang yang tidak beriman untuk dijadikan pemimpin. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT dalam Al-Qur'an:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْكُفْرَيْنَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ³⁰

Yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, Janganlah kamu mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang yang beriman.”³¹

Allah SWT melarang hamba-hamba-Nya yang beriman menjadikan orang-orang kafir sebahagai penolong selain orang-orang beriman, iaitu bersahabat dengan mereka, bergaul dengan mereka, bermesyuarat dengan mereka, menyimpan rasa kasihsayang kepada mereka dan menyebarkan rahsia kaum muslimin kepada mereka.³²

- b. Tidak memilih pemimpin yang mempermainkan agama Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَكُمْ هُزُؤًا وَلَعِبًا مِّنَ الدِّينِ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَالْكَفَّارَ أَوْلِيَاءَ³³

Yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang yang menjadikan ugama kamu sebagai ejek-ejekan dan permainan- dari orang-orang yang telah diberikan Kitab sebelum kamu, dan orang-orang kafir musyrik itu: menjadi penolong-penolong.”³⁴

²⁸ Mohammad Amin, (2015), *Kepemimpinan dalam Perspektif Al-Qur'an*, Jakarta: Institut PTIQ, hlm. 98.

²⁹ أبي الحسن علي بن محمد ابن حبيب البصري الماوردي، (م ٢٠٠٦)، الأحكام السلطانية، القاهرة: دار الحديث.

³⁰ An-Nisa, 4:144.

³¹ Mushaf Malaysia Rasm Uthmani, (t.th), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran 30 Juz*, Kuala Lumpur: Darul Fikir hlm. 229.

³² Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman bin Ishaq al-Sheikh, (2004), *Tafsir Ibnu Katsir*, Terjemahan M. Abdul Ghoffar E.M., Abdurrahim Mu'thi, Abu Ihsan Al-Atsari, Bogor: Pustaka Imam Syafi'i, jilid 1, hlm. 438.

³³ Al-Maidah, 5:57.

³⁴ Mushaf Malaysia Rasm Uthmani, (t.th), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran 30 Juz*, Kuala Lumpur: Darul Fikir hlm. 265.

Ayat tersebut merupakan peringatan agar kaum muslimin tidak berlindung kepada musuh-musuh Islam, dan sekutunya daripada kalangan Ahlul Kitab (Yahudi dan Nasrani) dan kaum musyrikin yang menjadikan syari'at Islam yang suci, muhkam (tegas) dan mencakup segala kebaikan dunia dan akhirat, sebagai bahan ejekan dan permainan menurut keyakinan dan pandangan mereka yang rusak dan fikiran mereka yang beku.³⁵

c. Memilih pemimpin yang pakar dalam bidangnya kerana memberi kepercayaan kepada orang yang bukan pakar akan mendatangkan kerosakan. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا ضُيِّعَتِ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ قَالَ كَيْفَ إِضَاعَتُهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ إِذَا أُسْنِدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ.³⁶

Maknanya:

Dari Abu Hurairah radhilyallahu'anhu mengatakan; Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Jika amanat telah disia-siakan, tunggu sahaja kehancuran terjadi." Ada seorang sahabat bertanya; bagaimana maksud amanat disia-siakan? Nabi menjawab; "Jika urusan diserahkan bukan kepada ahlinya, maka tunggulah kehancuran itu."³⁷

d. Memilih pemimpin yang boleh disayangi dan menyayangi rakyatnya kerana pemimpin itu wajib mendoakan rakyatnya dan rakyat juga mendoakan pemimpinnya. Hal ini sangatlah sesuai dengan sabda Rasulullah SAW:

خِيَارُ أُمَّتِكُمُ الَّذِينَ تَحِبُّونَهُمْ وَيَحِبُّونَكُمْ، وَتُصَلُّونَ عَلَيْهِمْ وَيُصَلُّونَ عَلَيْكُمْ. وَشِرَارُ أُمَّتِكُمُ الَّذِينَ تُبْغِضُونَهُمْ وَيُبْغِضُونَكُمْ، وَتَلْعَنُونَهُمْ وَيَلْعَنُونَكُمْ.³⁸

Maknanya:

“Sebaik-baiknya pemimpin ialah mereka yang kamu cintai dan mencintai kamu, seburuk-buruknya pemimpin ialah yang kamu benci dan mereka yang membenci kamu, kalau melaknati mereka dan mereka melaknati kamu.”³⁹

e. Pilihlah pemimpin yang mengutamakan rakyat daripada kepentingan diri dan kaum kerabat, berani menghapuskan segala kemungkar dan menegakkan keadilan. Hal ini sangat bersesuaian dengan firman Allah SWT dalam kitab suci-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاؤُكُمْ عَلَىٰ أَنْ لَا تَعْدِلُوا ۗ وَعَدِلُوا ۗ هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ⁴⁰

³⁵ Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman bin Ishaq al-Sheikh, (2004), *Tafsir Ibnu Katsir*, Terjemahan M. Abdul Ghoffar E.M., Abdurrahim Mu'thi, Abu Ihsan Al-Atsari, Bogor: Pustaka Imam Syafi'i, jilid 1 hlm. 112.

³⁶ البخاري، محمد بن إسماعيل بن إبراهيم بن المغيرة البخاري، أبو عبد الله، (٢٠٠٢م)، صحيح البخاري، بيروت: دار ابن كثير، ص ١٠٤، ٦٤٩٦.

³⁷ Hadis ini Shahih kerana terdapat dalam kitab shahih Bukhari:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ سِنَانٍ حَدَّثَنَا فُلَيْحُ بْنُ سُلَيْمَانَ حَدَّثَنَا هَالُ بْنُ عَلِيٍّ عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَسَارٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا ضُيِّعَتِ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ قَالَ كَيْفَ إِضَاعَتُهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ إِذَا أُسْنِدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ.

³⁸ الإمام مسلم، مسلم بن الحجاج بن مسلم القشيري النيسابوري، أبو الحسين، (٢٠٠٦م)، صحيح مسلم، بيروت: دار طيبة، ص ١٤٨١، ١٨٥٥.

³⁹ Hadis ini shahih kerana terdapat dalam kitab shahih Muslim:

حدثنا إسحاق بن إبراهيم الحنظلي أخبرنا عيسى بن يونس حدثنا الأوزاعي عن يزيد بن يزيد بن جابر عن رزيق بن حيان عن مسلم بن قرظة عن عوف بن مالك عن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال خيار أئمتكم الذين تحبونهم ويحبونكم ويصلون عليكم وتصلون عليهم وشرار أئمتكم الذين تبغضونهم ويبغضونكم وتلعنونهم ويلعنونكم قيل يا رسول الله أفلا ننايهم بالسيف فقال لا ما أقاموا فيكم الصلاة وإذا رأيتم من ولائكم شيئا تكرهونه فاكرهوا عمله ولا تنزعوا يدا من طاعة.

⁴⁰ Al-Maidah, 5:8.

Yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerapkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa.”⁴¹

Maksudnya, jadilah kalian sebagai penegak kebenaran kerana Allah SWT bukan kerana manusia atau mencari populariti. Dan jadilah kalian saksi dengan adil, maksudnya secara adil dan bukan secara curang. Selanjutnya janganlah kebencian kepada satu kaum menjadikan kalian berbuat tidak adil terhadap mereka, tetapi terapkanlah keadilan itu kepada setiap orang, baik itu teman mahupun musuh kalian kerana keadilan kalian itu lebih dekat kepada takwa daripada meninggalkannya.

Selain itu, asas kepimpinan menurut syarak iaitu:⁴² mampu bertindak adil dalam semua aspek, empunyai ilmu yang tinggi dan boleh berijtihad, baik jasmani mahupun rohani, mempunyai kebijaksanaan dan kebolehan memimpin negara serta menginsafi kesejahteraan rakyat, dan memiliki jiwa yang berani dan tegas.

Manakala Ibn Khaldun dalam kitab *Muqaddimah* menjelaskan bahawa terdapat empat perkara yang mesti ada dalam diri seseorang untuk menjadi pemimpin negara iaitu:⁴³ mempunyai ilmu yang luas, mampu berijtihad, mempunyai sifat adil, serta mesti mempunyai ilmu diplomasi dan taktik yang bijak.

Jika seseorang ingin menjadi pemimpin, menurut Abdul Qadir Audah, maka ia mesti memiliki syarat tertentu antara lain:⁴⁴ mesti beragama Islam, pria, memiliki ilmu, mampu berlaku adil, mampu mensejahterakan rakyat, dan memiliki kesihatan jasmani dan rohani

Menurut al-Juwaini, pemimpin adalah amanah untuk menjalankan kepentingan agama dan dunia, yang terdiri daripada perbagai unsur negara, seperti kesejahteraan rakyat, keamanan negara dan mencengah segala kemungkar. Oleh itu, penekanan pemimpin ialah menjaga agama, kemaslahatan rakyat dan keadilan dalam semua aspek kehidupan bernegara.⁴⁵ Ini bermakna negara boleh berjalan walaupun tanpa pemimpin, tetapi dengan bimbingan ulama. Dalam hubungan ini, sesebuah negara harus mempunyai pemimpin yang berakhlak mulia.

Mekanisme Pelantikan Pemimpin Menurut Syariah

Mekanisme melantik pemimpin mengikut syariah mempunyai proses yang berbeza bermula dari Nabi Muhammad SAW yang dilantik secara langsung oleh Allah SWT menjadi pemimpin umat Islam melalui wahyu. Mengingati Rasulullah SAW adalah nabi terakhir dan tiada lagi pemimpin seperti Nabi SAW, maka perlantikan pimpinan juga mengalami perubahan. Selepas

⁴¹ Mushaf Malaysia Rasm Uthmani, (t.th), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran 30 Juz*, Kuala Lumpur: Darul Fikir, hlm. 247.

⁴² أبي الحسن علي بن محمد ابن حبيب البصري الماوردي، (م ٢٠٠٦)، الأحكام السلطانية، القاهرة: دار الحديث.

⁴³ ابن خلدون، (م ٢٠٠٤)، مقدمة ابن خلدون، القاهرة: دار يعرب، ص ٣١.

⁴⁴ عبد القادر عودة، (م ٢٠٠٨)، التشريع الجنائي الإسلامي مقارناً بالقانون الوضعي، بيروت: دار الكاتب العربي، ص ١٦٤.

⁴⁵ محمد الزحيلي، (م ١٩٩٢)، الإمام الجويني إمام الحرمين، الكويت: دار القلم.

wafatnya Rasulullah SAW, perlantikan kepemimpinan dilanjutkan oleh para sahabat. Adapun Mekanisme melantik pemimpin mengikut menurut syariah, diantaranya:⁴⁶

- a. Rasulullah SAW dipilih secara langsung oleh Allah SWT melalui wahyu yang disampaikan melalui malaikat Jibril untuk memimpin umat Islam.
- b. Bersambung pada zaman pemerintahan Abu Bakar, kepemimpinannya telah dirasmikan dengan perlantikan terus oleh Rasulullah SAW sebelum kewafatan baginda dan diangkat sumpah (Bai'at) oleh para sahabat yang lain.
- c. Pada zaman pemerintahan Umar bin Khattab, kepemimpinannya telah disahkan melalui wasiat pemimpin terdahulu iaitu Abu Bakar.
- d. Adapun pada era Utsman bin Affan, kepemimpinannya dirasmikan atas dasar mesyuarat dengan cara pemilihan oleh enam anggota yang telah ditentukan khalifah Umar bin Khattab, kemudian pemba'iatan.
- e. Manakala pada zaman Bani Umayyah dan Abbasiyah, berlaku era peralihan kuasa di mana Muawiyah bin Abu Sufyan yang menjadi Khalifah menggantikan Ali bin Abi Talib dengan mengambil alih kuasa.

Namun secara amnya, pelantikan kepemimpinan mengikut syarak terdiri daripada dua cara iaitu:⁴⁷ melalui mesyuarat ulama dan diputuskan oleh hakim tertinggi (أهل الحل والعقد), dan melalui amanat yang ditentukan oleh ketua negara terdahulu.

Jika diambil analisis daripada dua mekanisme yang telah disebutkan, maka pemilihan pemimpin melalui mesyuarat untuk mencapai kata sepakat adalah satu mekanisme yang dilaksanakan di beberapa negara demokrasi. Namun begitu, penerapan sistem demokrasi yang dilaksanakan di negara-negara Barat pada hari ini amat berbeza dengan demokrasi syariah yang digagas pada zaman dahulu di mana para saintis Islam memainkan peranan yang besar dalam setiap pengambilan keputusan. Maknanya dalam sistem demokrasi sekarang, tiada ulama yang terlibat dalam membuat keputusan kerana semua keputusan adalah di tangan rakyat. Ini bermakna unsur agama tidak lagi dimasukkan atau diutamakan dalam negara demokrasi.

Sedangkan di pelbagai negara Islam, pemilihan pimpinan dilaksanakan melalui sistem amanat yang diturunkan secara langsung oleh ketua negara kepada pengganti yang dipilih. Ini bertujuan untuk meneruskan era pemerintahan terdahulu, supaya urusan agama dan negara. Dengan itu negara terpelihara dan seimbang agar rakyat sentiasa tunduk kepada pemimpin yang sentiasa menegakkan syiar Islam.

METODOLOGI

Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan analisis tulisan sebagai kaedah menganalisis data yang diperoleh melalui sumber-sumber kepustakaan. Penelitian kepustakaan merupakan kajian teoritis, referensi serta literatur ilmiah lainnya yang berkaitan dengan budaya, nilai dan norma yang berkembang pada situasi sosial yang diteliti.⁴⁸ Data diperoleh melalui literatur ilmiah yang berkaitan dengan konsep *good governance* yang baik (*good governance*) menurut syariah dalam sejarah kepemimpinan khalifah Umar bin al-Khattab. Dalam menganalisis data, peneliti melakukan empat kegiatan pada penelitian kepustakaan iaitu: mencatat semua temuan masalah

⁴⁶ عبد الله الطريقي، (م ٢٠١١)، طاعة أولي الأمر، القاهرة: دار المسلم.

⁴⁷ عبد الله بن إبراهيم الطريقي، (م ٢٠٠٥)، أهل الحل والعقد صفاتهم ووظائفهم، القاهرة: دار المسلم.

⁴⁸ Sugiyono, (2012), *Memahami Penelitian Kualitatif*, Bandung: ALFABETA.

penelitian, memadukan segala temuan baik teori atau temuan baru, menganalisis segala temuan dari berbagai bacaan yang berkaitan dengan kekurangan tiap sumber, dan mengkritik atau memberikan gagasan kritis dalam hasil penelitian terhadap wacana-wacana sebelumnya dengan menghadirkan temuan baru dalam mengkolaborasikan pemikiran-pemikiran yang berbeza terhadap masalah penelitian.⁴⁹

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Khalifah Umar Al-Khattab

Nama lengkap Umar bin Khattab adalah Umar bin Khattab bin Nufail bin Abdul ‘Uzza bin Rabbahbin Qurth bin Razah bin ‘Ady bin Ka’ab Ibn Lu’ay.⁵⁰ Umar bin Khattab berasal dari bani Adi bin Ka’ab, salah satu dari garis keturunan suku Quraisy. Umar bin Khattab dilahirkan tiga belas tahun selepas tahun Gajah.⁵¹ Umar bin Khattab lahir dari ayah bernama Khattab bin Nufail al-Shimh al-Quraisy sedangkan ibunya bernama Hantamah binti Hasyim.

Semasa kecilnya, Umar bin Khattab telah belajar membaca dan menulis.⁵² Hal ini sangat berbeza dengan tabiat kanak-kanak Quraisy pada amnya. Di sana Umar bin Khattab memiliki suatu keistimewaan yang tidak dimiliki oleh kanak-kanak bangsa Quraisy masa itu. Di saat rakan-rakannya bermain, Umar bin Khattab gemar membaca dan mempelajari hal baru. Kemampuan dan kecerdasannya meningkat jauh lebih tinggi dibandingkan dengan kanak-kanak sebayanya.

Setelah Umar bin Khattab memasuki masa remaja, kala itu Umar bin Khattab pun menjadi pengembala unta. Sedangkan pada masa itu ayahnya berada di Dajnan. Adapun Dajnan adalah salah satu tempat yang jauh di pinggiran kota Makkah. Perubahan masa remaja ke masa dewasa Umar bin Khattab sangatlah cepat dibandingkan dengan remaja-remaja yang sebaya dengannya. Saiz tubuh dan perawakan Umar bin Khattab jauh lebih tinggi, tegap dan besar. Wajahnya digambarkan putih agak kemerahan. Sejak masa mudanya, Umar bin Khattab senang sekali berolahraga. Bahkan Umar bin Khattab sangat mahir menunggang kuda.⁵³ Dengan segala aktiviti fiziknya, Umar bin Khattab dikenal sangat kuat dan tangkas. Semasa hidupnya, Umar bin Khattab memiliki beberapa istri diantaranya perkawinan beliau dengan:⁵⁴

- 1) Zainab putri Maz’un melahirkan Abdurrahman dan Hafsa
- 2) Umu Kulsum putri dari Ali bin Abi Thalib melahirkan Zaid yang lebih tua dan Ruqoyyah
- 3) Umu Kulsum binti Jarul bin Malik melahirkan Zaid yang lebih muda dan Ubaidillah
- 4) Jamilah binti Tsabit bin Abi al-Aflah melahirkan Asim
- 5) Umu Hakam putri al-Harits bin Hisyam melahirkan Fatimah
- 6) Atikah binti Zaid bin Amr melahirkan Iyad.

⁴⁹ M. Zed, (2008), *Metode Peneletian Kepustakaan*, Jakarta: Yayasan Obor.

⁵⁰ علي محمد محمد الصلابي، (م ٢٠٠٥)، سيرة أمير المؤمنين عمر بن الخطاب رضي الله عنه شخصيته وعمره، القاهرة: مؤسسة اقرأ.

⁵¹ عبد الحميد بن عبد الرحمن السحبياني، (م ٢٠١٢)، من سير الصحابة، الرياض: دار ابن خزيمة.

⁵² عبد الرحمن رأفت الباشا، (م ١٩٩٦)، صور من حياة الصحابة، بيروت: دار النفائس.

⁵³ *Ibid.*

⁵⁴ محمد يوسف الكاتد هلوي، (م ١٩٩٩)، حياة الصحابة، بيروت: مؤسسة الرسالة.

Dikenal sebagai ayah yang sangat bertanggungjawab terhadap keluarga, kesemua istri dan anak-anak Umar bin Khattab tumbuh menjadi para alim, soleh dan solehah.

Umar bin Khattab adalah sahabat Rasulullah SAW yang mempunyai akhlak yang sangat istimewa. Jelas dinyatakan bahawa Umar bin Khattab adalah seorang yang adil, penyayang, bersemangat, cerdik, tegas dan sentiasa bersedia mempertahankan agamanya.⁵⁵ Beliau dikenal sebagai orang yang adil kerana mewarisi jabatan qadi dari Kabilah dan ibu bapanya, kerana keluarganya dari Bani Adi telah merasai pahitnya kezaliman dari kerabat mereka Bani Abdu Syam yang sangat kejam dalam peperangan.⁵⁶

Umar bin Khattab terkenal dengan semangatnya yang berapi-api. Pada awal keislamannya, Umar bin Khattab secara terbuka mengumumkan hal ini kepada seluruh kaum Quraisy.⁵⁷ Seperti yang diketahui Umar bin Khattab sebelum memeluk Islam sangat membenci Islam bahkan membenci Rasulullah SAW. Namun, setelah Umar bin Khattab memeluk Islam, dakwah yang dilakukan secara rahsia menjadi terang-terangan. Dapat dilihat bahawa peranan Umar bin Khattab dalam dakwah Islam sangat besar sehingga tidak pernah berlaku. Selepas Umar bin Khattab masuk ke dalam barisan Islam, dia menjadi salah seorang sahabat Nabi Muhammad SAW. Umar bin Khattab sanggup berkorban untuk melindungi Rasulullah SAW dan agama Islam, bahkan Umar bin Khattab turut serta memerangi orang kafir.

Selepas kewafatan Rasulullah SAW, ia dikenali sebagai pemerintahan Khalifah ar-Rasyidun, di mana Umar bin Khattab diberi kepercayaan sebagai khalifah kedua selepas kewafatan Abu Bakar. Pemilihan Umar bin Khattab bukanlah melalui mesyuarat terbuka secara umum, tetapi Umar bin Khattab dilantik secara langsung oleh Abu Bakar melalui wasiat yang telah Abu Bakar katakan.⁵⁸

Semasa Khalifah Abu Bakar Ash-Shiddiq menderita sakit, Umar bin Khattab yang menggantikan posisi Abu Bakar sebagai imam shalat bagi kaum muslimin sehingga Abu Bakar secara langsung berwasiat dengan menunjuk Umar bin Khattab sebagai pengantinya apabila beliau telah wafat. Terdapat beberapa faktor yang mendasari Abu Bakar melantik Umar bin Khattab sebagai pengantinya menjadi khalifah, iaitu:

- 1) Kebimbangan Abu Bakar terhadap peristiwa yang telah berlaku dalam Isaqifah bani Sa'diyah yang hampir membawa umat Islam ke kancan konflik. Inilah yang dibimbangkan oleh Abu Bakar, ia akan berlaku lagi jika beliau tidak segera melantik pengganti selepas beliau wafat.
- 2) Keprihatinan Abu Bakar akan kaum Anshar dan Muhajirin yang saling mengklaim sebagai golongan yang paling berhak menjadi khalifah.
- 3) Umat Islam ketika itu baru sahaja selesai menumpaskan golongan murtad dan penentang sehingga mereka mesti mempunyai pengganti secepat mungkin untuk meneruskan pemerintahan.

Sebelum Abu Bakar wafat, beliau membuat wasiat tentang siapa yang akan menggantikannya sebagai khalifah. Wasiat ini ditulis oleh Uthman bin Affan. Dalam penunjukan Umar bin

⁵⁵ علي محمد محمد الصلابي، (م ٢٠٠٥)، سيرة أمير المؤمنين عمر بن الخطاب رضی الله عنه شخصيته وعمره، القاهرة: مؤسسة اقرأ.

⁵⁶ عباس محمود العقاد، (م ١٩٤٢)، عبقرية عمر، بيروت: المكتبة العصرية، ص ٣٥.

⁵⁷ أبو الفرج ابن الجوزي؛ حسن الهادي حسين، (م ٢٠١٤)، تاريخ عمر بن الخطاب أول حاكم ديمقراطي في الإسلام، القاهرة: محمد علي صبيح.

⁵⁸ علي الطنطاوي، (م ٢٠٠٩)، قصة حياة عمر، القاهرة: دار المنارة.

